



LAPORAN LIPUTAN MEDIA
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

TARIKH : 28 JUN 2025 | 02 MUHARRAM 1447 H
HARI : SABTU

BIL.	AGENSI MEDIA	TAJUK
1.	Kosmo	Bantuan bot menyambung rezeki
2.	Utusan Malaysia	Nelayan selatan Pulau Pinang terima bot, enjin baharu

Ringkasan Eksekutif

Pada **28 JUN 2025**, sebanyak **2** liputan media berkaitan Jabatan Perikanan Malaysia telah diterbitkan. Daripada jumlah tersebut, **2** liputan bersifat positif, **0** bersifat neutral, dan **0** liputan negatif direkodkan.

Disediakan oleh :

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Perikanan Malaysia

1.	Tajuk	Bantuan bot menyambung rezeki
	Akhbar/Media	Kosmo
	Muka surat/capaian	16
	Kategori Liputan	Positif

Bantuan bot menyambung rezeki

GEORGE TOWN – Enam nelayan dari kawasan selatan Pulau Pinang melahirkan rasa syukur dan terharu selepas menerima bot dan enjin baharu menerusi skim Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP), sekaligus memberi nafas baharu buat mereka sebagai nelayan sepenuh masa.

Antara penerima bantuan tersebut ialah Hashimi Hamzah, 49, dari unit Sungai Batu yang menerima 'hadiah awal hari jadi' sempena ulang tahunnya ke-50 minggu depan selepas bot lamanya musnah dalam ribut enam bulan lalu.

"Bantuan bot ini adalah rezeki yang tidak disangka selepas hilang punca pendapatan akibat bot saya musnah sebelum ini.

"Bot ini sangat bermakna. Selama ini saya hanya tumpang bot orang lain untuk cari rezeki. Kini, saya boleh turun sendiri semula ke laut mencari rezeki," katanya dalam majlis penyerahan bot di sini semalam.

Majlis penyerahan itu disaksikan oleh Pengarah Komunikasi Strategik dan Pengurusan Pihak Berkepentingan Silicon Island Development Sdn. Bhd (SIDSB), Azmi Mohamad serta

Penolong Pegawai Jabatan Perikanan Pulau Pinang, Hasyaruddin Abdul Halim.

Turut menerima manfaat ialah Hamdan Bakar, 59, dari Teluk Kumbar yang mengakui tidak pernah terlintas mampu memiliki bot baharu lengkap dengan enjin.

Hamdan berkata, peningkatan saiz dan kuasa bot akan membolehkan beliau meluaskan kawasan tangkapan serta meningkatkan hasil pendapatan.

"Kalau ikut kemampuan sendiri, mungkin cuma mampu beli enjin 40 kuasa kuda. Ini satu kelegaan besar, boleh kerja dengan tenang," ujarnya yang turun ke laut seorang diri sejak muda.

Bagi See Bak Chooi, 65, dari Gertak Sanggul pula, pemberian itu membolehkannya kembali ke laut dengan lebih yakin selepas bot lamanya rosak dan tidak lagi selamat digunakan.

"Bantuan ini sebagai bukti kerajaan negeri prihatin terhadap nasib golongan nelayan tradisional.

"Bot baharu ini macam tukar kereta baharu. Saya boleh cari ikan dan udang lebih jauh sekarang. Memang beza besar," katanya.



RINGKASAN :

6 nelayan dari kawasan selatan P.Pinang menerima bot dan enjin baharu menerusi skim Pelan Pengurusan Impak sosial (SIMP). Majlis penyerahan itu disaksikan oleh Pengarah (SIDSB) serta penolong pegawai Jabatan Perikanan P.Pinang

2.	Tajuk	Nelayan selatan Pulau Pinang terima bot, enjin baharu i
	Akhbar/Media	Utusan Malaysia
	Muka surat/capaian	36
	Kategori Liputan	Positif



PARA nelayan melihat enjin bot yang diterima mereka menerusi skim SIMP.

Nelayan selatan Pulau Pinang terima bot, enjin baharu

NIBONG TEBAL: Enam nelayan dari selatan Pulau Pinang terbaru selepas menerima bot dan enjin baharu menerusi skim Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP), sekali gus memberi nafas baharu kepada kehidupan mereka sebagai nelayan sepanjang masa.

Antara penerima bantuan tersebut ialah Hashim Hamzah, 49, dari unit nelayan Sungai Batu yang menerima peralatan itu sempena hari adunya ke-50 minggu depan, selepas bot lamanya musnah akibat ribut enam bulan lalu.

"Bantuan bot ini adalah rezeki yang tidak disangka-sangka selepas saya hilang punca pendapatan akibat bot yang musnah sebegini ini."

"Bagi saya, bantuan bot ini sangat bermakna. Selama ini saya hanya tumpang bot orang lain untuk cari rezeki. Kini, saya boleh turun sendiri semula ke laut mencari rezeki," katanya ketika ditemui.

Majlis penyerahan disaksikan oleh Pengarah Komuniti

Penolong Pegawai Jabatan Perikanan Pulau Pinang, Hasyarudin Abdul Halim.

Seorang lagi penerima, Hamdan Bakar, 59, dari Teluk Kumbar mengakui, tidak pernah terlintas di fikirannya mampu memiliki bot baharu yang lengkap dengan enjin.

Hamdan berkata, peningkatan saiz dan kuasa bot secara tidak langsung membolehkannya meluaskan kawasan tangkapan serta meningkatkan hasil pendapatan.

"Kalau ikut kemampuan sendiri, mungkin cuma mampu beli enjin 40 kuasa kuda. Ini satu kelegasan besar, boleh kerja dengan tenang," katanya.

Bagi See Bak Chori, 65, dari Gertak Sanggul pula, pemberian itu membolehkannya kembali ke laut dengan lebih yakin selepas bot lamanya tidak lagi selamat digunakan.

"Bantuan ini sebagai bukti kerajaan mengeri prihatin terhadap nasib golongan nelayan tradisional. Bot baharu ini

RINGKASAN :

6 nelayan dari kawasan selatan P.Pinang menerima bot dan enjin baharu menerusi skim Pelan Pengurusan Impak sosial (SIMP). Majlis penyerahan itu disaksikan oleh Pengarah (SIDSB) serta penolong pegawai Jabatan Perikanan P.Pinang .